



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

OPS TIRIS 3.0 – STOR HARAM TEMPAT POTONG MINYAK MASAK PAKET DISERBU PENGUAT KUASA KPDN

PUTRAJAYA, 9 OGOS 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi menerusi OPS TIRIS 3.0 dalam satu serbuan yang dilakukan ke atas sebuah premis tanpa nama di Jeram, Selangor pada 6 Ogos 2024.

Serbuan dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa daripada KPDN Selangor dengan kerjasama Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman yang bermula kira-kira jam 2.30 petang itu adalah hasil risikan yang telah dilakukan oleh pihak KPDN beberapa hari sebelum operasi dilaksanakan.

Hasil maklumat awal yang diperolehi, sindiket ini disyaki membeli minyak masak paket 1kg bersubsidi dan dikumpulkan di stor haram berkenaan yang beroperasi tanpa lesen sah untuk menyimpan barang kawalan. Minyak masak paket 1kg berkenaan seterusnya akan dipotong dan dipindahkan ke dalam tangki silinder serta dibotolkan semula sebelum dijual mengikut harga minyak masak bukan bersubsidi.

Pemeriksaan lanjut yang dilakukan di keseluruhan premis telah menemukan sebuah lori yang mengandungi muatan minyak masak paket 1kg, sebuah tangki silinder yang mengandungi hampir 4,000kg minyak masak selain 128 bungkusan plastik minyak masak paket 1kg pelbagai jenama yang telah dipotong pembungkusannya.

Kesemua minyak masak paket 1kg bersubsidi dianggarkan hampir 10,015kg serta beberapa peralatan yang digunakan seperti gunting, pam penyedut minyak, hos getah dan beberapa dokumen perniagaan lain telah disita bagi tujuan siasatan lanjut. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM64,567.50.

Seorang lelaki, warga tempatan yang dipercayai bekerja sebagai pemandu lori berkenaan, berumur lingkungan 50 an telah ditahan bagi membantu siasatan. Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] bagi mengenal pasti individu/syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti ini serta rantai pengedaran minyak masak tersebut.

Selain itu, premis terbabit juga telah disyaki melakukan kesalahan di bawah Peraturan 3(1) Perintah-Perintah Kawalan Bekalan 1974, iaitu berurusan dan menjual secara borong atau runcit apa-apa barang kawalan berjadual tanpa lesen.

KPDN ingin memberi amaran keras ke atas mana-mana individu/syarikat yang berkaitan agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta) bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta).

Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan minyak masak.

Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap dan tepat kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317/019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.

DATUK AZMAN BIN ADAM

Ketua Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup